

## **BANK ISLAM CATAT KEUNTUNGAN BERSIH RM115.0 JUTA BAGI 1Q2026**

### **SOROTAN**

- Jumlah aset mencecah RM106.8 bilion setakat akhir Mac 2026, meningkat 8.7% tahun ke tahun (Y-o-Y), didorong oleh pertumbuhan pembiayaan dan peningkatan sekuriti pelaburan.
- Pembiayaan kasar meningkat 5.9% Y-o-Y kepada RM76.1 bilion, disokong oleh pertumbuhan Perbankan Runcit Kumpulan dan Perbankan Institusi Kumpulan.
- Deposit pelanggan dan akaun pelaburan meningkat 9.2% Y-o-Y kepada RM88.1 bilion, dengan akaun semasa, simpanan dan pelaburan transaksi (CASATIA) merangkumi 34.4% daripada jumlah keseluruhan.
- Jumlah pendapatan bersih rendah sedikit dan berada pada RM666.1 juta bagi suku tersebut berikutan pendapatan bukan berasaskan dana lebih rendah, sebahagiannya diimbangi oleh pendapatan berasaskan dana bersih lebih tinggi.
- Keuntungan bersih berada pada RM115.0 juta, membawa kepada Pendapatan Sesaham (EPS) sebanyak 5.08 sen dan Pulangan Bersih atas Ekuiti (ROE) tahunan sebanyak 6.0%.
- Nisbah pembiayaan terjejas kasar berada pada tahap 1.02%, kekal di bawah purata industri.
- Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (CET1) dan Nisbah Modal Keseluruhan kekal kukuh, masing-masing pada 13.6% dan 18.4%.

**KUALA LUMPUR, Isnin, [25 Mei 2026]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mencatat keuntungan bersih sebanyak RM115.0 juta bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2026 (1Q2026), menurun 8.9% berbanding tempoh sama tahun lalu. Sebahagian besar penyusutan ini disebabkan oleh peningkatan kos overhead, kos pembiayaan lebih tinggi dan pendapatan bersih yang lebih rendah, sebahagiannya diimbangi oleh penurunan peruntukan bersih bagi pembiayaan terjejas.

Ini diterjemahkan kepada EPS sebanyak 5.08 sen dan ROE tahunan sebanyak 6.0% bagi Kumpulan.

Bank Islam merekodkan pendapatan bersih sebanyak RM666.1 juta pada 1Q2026, sedikit rendah berbanding 1Q2025. Sebahagian besar penurunan ini disebabkan oleh pengurangan 18.1% dalam pendapatan bukan berasaskan dana kepada RM109.4 juta, mencerminkan pendapatan pelaburan dan pertukaran asing, fi dan komisen yang lebih rendah serta asas perbandingan 1Q2025 lebih tinggi yang merangkumi keuntungan sekali daripada pelupusan hartanah. Namun demikian, sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan 3.1% Y-o-Y atau RM16.8 juta dalam pendapatan berasaskan dana bersih, didorong oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada sekuriti pelaburan.

Jumlah overhead bagi 1Q2026 meningkat 7.7% kepada RM414.9 juta, mencerminkan pelaburan strategik Kumpulan terhadap bakat dan teknologi bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan pelanggan serta menyokong daya tahan perniagaan jangka panjang.

Peruntukan bersih Kumpulan bagi pembiayaan terjejas dan pendahuluan menurun sebanyak RM25.5 juta atau 32.0% kepada RM54.2 juta berbanding 1Q2025, disumbangkan pemulihan yang lebih tinggi sepanjang suku tersebut. Hasilnya, kos kredit pembiayaan mengukuh kepada 0.29%.

Setakat akhir Mac 2026, nisbah pembiayaan terjejas kasar berada pada 1.02%, kekal jauh lebih rendah berbanding purata industri sebanyak 1.40%.

Jumlah aset meningkat 8.7% Y-o-Y kepada RM106.8 bilion setakat 31 Mac 2026, dipacu oleh pertumbuhan pembiayaan dan sekuriti pelaburan. Aset bersih sesaham berada pada RM3.53.

Pembiayaan kasar Kumpulan meningkat 5.9% Y-o-Y kepada RM76.1 bilion, disokong oleh pertumbuhan segmen Perbankan Runcit Kumpulan dan Perbankan Institusi Kumpulan, masing-masing berkembang sebanyak 5.5% dan 7.1%.

Pertumbuhan pembiayaan turut disokong oleh peningkatan deposit pelanggan dan akaun pelaburan, yang mengukuh 9.2% Y-o-Y kepada RM88.1 bilion. CASATIA berada pada RM30.3 bilion, mewakili 34.4% daripada jumlah keseluruhan deposit dan akaun pelaburan. Setakat akhir Mac 2026, nisbah CET1 dan Nisbah Modal Keseluruhan kekal teguh dengan masing-masing berada pada 13.6% dan 18.4%.

Mengulas mengenai prospek Kumpulan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz berkata, Kumpulan kekal memberi tumpuan sepenuhnya untuk mengukuhkan kedudukannya melalui keutamaan strategik yang jelas. Ini termasuk mempercepatkan penggunaan digital seiring dengan langkah Bank Islam ke arah ekosistem digital berasaskan Syariah yang lebih matang bagi menawarkan penyelesaian yang lebih ringkas, mudah diakses dan relevan kepada pelanggan.

“Kami juga sedang memperkukuh agenda yang lebih menyeluruh untuk meningkatkan daya tahan dan daya saing jangka panjang dengan memperluaskan serta mempelbagaikan sumber pendapatan, memperkukuh perbankan institusi dan meningkatkan kecekapan melalui penentukuran semula kos secara berdisiplin serta seni bina teknologi berskala di seluruh Kumpulan.

“Kami amat menggalakkan keterbukaan dan kesediaan yang tinggi di seluruh organisasi untuk membina Kumpulan yang lebih kukuh, berpandangan jauh dan berteraskan nilai-nilai Syariah. Walaupun perubahan merupakan satu perjalanan dan memerlukan masa, kami yakin asas yang kukuh telah tersedia dan hala tuju masa depan adalah jelas. Dengan tekad bersama ini, kami optimis terhadap apa yang mampu dicapai bersama,” katanya.

Raja Teh Maimunah menambah, “Kami merakamkan penghargaan kepada para pemegang saham, pelanggan dan pemegang taruh atas sokongan berterusan serta maklum balas membina yang diberikan, seiring dengan usaha kami dalam membina Bank Islam yang relevan, berdaya tahan dan berada pada kedudukan yang baik untuk fasa pertumbuhan seterusnya.”

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIBM Investment dan BIBM Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my).